



JAWATAN KOSONG

PUSAT SERANTAU ASIA TENGGARA BAGI MENCEGAH KEGANASAN (SEARCCT)



JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI PERANCANGAN DAN LATIHAN (2 KEKOSONGAN)

1. Terbuka untuk Warganegara Malaysia berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
2. Memiliki sekurang-kurangnya STPM/Diploma dari Institusi yang diiktiraf Kerajaan Malaysia dan/atau kelayakan yang setaraf;
3. Berkebolehan mengendalikan komputer terutamanya pada perisian asas seperti *Microsoft Word/Excel/Publisher*; dan
4. Berpengetahuan serta berkebolehan dalam Penganjuran dan Pengurusan Majlis

GAJI DITAWARKAN | KEMUDAHAN

Gaji ditawarkan	: RM1,800.00 (Termasuk KWSP dan PERKESO)
Kemudahan	: Cuti Rehat, Cuti Sakit, KWSP dan PERKESO
Status Lantikan	: Kontrak
Tempat Bertugas	: Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur

DESKRIPSI TUGAS

- a. Menguruskan program-program latihan dan bina upaya bagi penjawat awam, pasukan beruniform, korporat, pertubuhan sivil, pelajar dan orang ramai, dalam bidang pencegahan keganasan dan ekstremisme ganas, serta bidang-bidang keselamatan lain yang berkaitan;
- b. Membantu dalam membangun dan menganjurkan program pembangunan keupayaan yang komprehensif dalam pencegahan keganasan di sepanjang tahun;
- c. Membantu dalam menilai dan menambah baik kandungan program sesuai dengan keperluan pelanggan berdasarkan keperluan semasa; dan
- d. Membantu dalam meningkatkan jalinan kerjasama sedia ada dengan institusi-institusi berkaitan, baik tempatan mahupun luar negara.

CARA MEMOHON

Sila emelkan *resume* beserta gambar berukuran pasport ke career@searcct.gov.my

TARIKH TUTUP PERMOHONAN 01 APRIL 2021

Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan/panggilan selepas 1 bulan daripada tarikh permohonan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**